

Date and Time: Monday, 17 April 2023 11:46:00AM MYT

Job Number: 195049466

Document (1)

1. [Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Iwn Persatuan Bolasepak Kelantan dan lain-lain \[2020\] MLJU 2072](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: [2020] MLJU 2072

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-

LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA v PERSATUAN BOLASEPAK KELANTAN & ORS

[CaseAnalysis](#)

[2020] MLJU 2072

Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Iwn Persatuan Bolasepak Kelantan dan lain-lain [2020] MLJU 2072

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU)

WAN AHMAD FARID WAN SALLEH H

RAYUAN SIVIL NO DA-12ANVCV-1-01 TAHUN 2020

20 October 2020

Afifi bin Ahmad (Azrul Afifi & Azuan) bagi pihak perayu.

Wan Jawahir bt Harun (Mohd Khuzaimi bin Mohd Salleh bersamanya) (Wan Jawahir & Takiyuddin) bagi pihak responden ketiga.

Nur 'Adnin bt Nuruzzaman (Rafizah, Azwan & Assoc) bagi pihak responden keempat, ketujuh, kelapan, kesembilan, kesepuluh dan kesebelas.

Wan Ahmad Farid Wan Salleh H:

PENGHAKIMAN

[1]Selepas pendengaran Rayuan ini pada 18.8.2020, saya telah menolak rayuan ini dengan kos sebanyak RM1,000 untuk tiap-tiap responden yang hadir.

[2]Ini adalah alasan-alasan saya.

[3]Rayuan ini adalah berbangkit daripada keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) bertarikh 8.1.2020.

[4]Pihak-pihak adalah dirujuk seperti rujukan mereka di Mahkamah Sesyen.
Latar Belakang Rayuan

[5]Writ dan Penyata Tuntutan plaintif telah dibatalkan oleh HMS yang bijaksana pada 3.11.2019, di atas alasan, antara lainnya, plaintif telah gagal mematuhi arahan *unless order* Mahkamah Sesyen.

[6]Arahan tersebut ialah arahan pemfailan dokumen pra-perbicaraan di dalam tempoh 30 hari, yang diberikan oleh Mahkamah semasa pengurusan kes ("CM") pada 14.5.2019.

[7]Pada CM tersebut Mahkamah Sesyen telah memberikan satu *unless order*, jika sekiranya arahan pemfailan dokumen-dokumen pra-perbicaraan tidak dipatuhi, saman di dalam di dalam rayuan akan dibatalkan.

[8]Peguam plaintif tidak menghadiri CM tersebut tetapi peguam defendan ke-4, ke-7, ke-8, ke-9, ke-10 dan ke-11, Tetuan Rafizah Azwan & Associates ("Tetuan Rafizah") telah menyebut bagi pihaknya. Pada hari yang sama, Tetuan Rafizah telah menulis kepada peguamcara plaintif dan memaklumkan arahan-arahan HMS berhubung dengan pemfailan dokumen.

[9]Tetuan Rafizah di dalam surat yang sama seterusnya menyatakan:

Adalah dimaklumkan bahawa Mahkamah tidak akan menerima apa-apa dokumen setelah tamatnya tempoh 30 hari kecuali dengan keizinannya. Mahkamah mengarahkan pihak-pihak hadir pada 25/6/2019 untuk pengurusan kes dan memaklumkan kepada Mahkamah berkenaan pemfailan dokumen.

[10]Selain daripada dokumen-dokumen tersebut, penyata-penyata saksi hendaklah difailkan oleh pihak-pihak di dalam tempoh 7 hari sebelum tarikh perbicaraan.

[11]Setelah penyusunan semula tarikh, perbicaraan sepatutnya bermula pada 3.11.2019. Malangnya, plaintif tidak dapat menyediakan penyata saksi di dalam tempoh 7 hari sebelum 3.11.2019.

[12]Di atas kegagalan tersebut, HMS yang bijaksana telah menggunakan *unless order* yang diberikan pada 14.5.2019 tersebut dan membatalkan Writ dan Pernyataan Tuntutan ("SOC") plaintif ke atas defendan-defendan.

[13]Lanjutan daripada pembatalan tersebut, plaintif telah memfailkan satu permohonan di Mahkamah Sesyen di dalam Lamp 80 yang antara lainnya memohon:

- (a) Writ Saman bertarikh 16.02.2016 yang telah dibatalkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini pada 03.11.2019 oleh kerana kegagalan plaintif untuk mematuhi arahan Mahkamah yang diberikan ketika pengurusan kes dihidupkan semula.
- (b) Pernyataan Tuntutan bertarikh 16.02.2019 yang telah dibatalkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini pada 03.11.2019 oleh kerana kegagalan Plaintif untuk mematuhi arahan Mahkamah yang diberikan ketika pengurusan kes dihidupkan semula.

[14]Setelah mendengar hujah kedua-dua pihak, HMS yang bijaksana telah menolak permohonan di dalam Lamp 80. Dengan itu, pembatalan Writ dan SOC kekal terbatal.

[15]Terkilan dengan keputusan tersebut, plaintif telah memfailkan rayuan ke Mahkamah ini.
Di Mahkamah Sesyen

[16]Alasan-alasan yang diberikan oleh HMS yang bijaksana di dalam menolak permohonan Lamp 80 boleh diringkaskan seperti berikut:

- (a) Tidak ada peruntukan di dalam A 34 Kaedah- Kaedah Mahkamah 2012 ("KKM") bahawa selepas Mahkamah membatalkan sesuatu Writ dan SOC di bawah *unless order*, Mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mengetepikan perintah tersebut.
- (b) A 34 k 1(5) dan juga A 35 k 2(1) KKM hanya memperuntukkan bahawa apa-apa perintah yang diberikan terhadap pihak yang tidak hadir di hadapan Mahkamah boleh diketepikan atau diubah oleh Mahkamah mengikut terma yang difikirkannya adil.
- (c) Kedua-dua Aturan tersebut adalah tidak terpakai kerana pembatalan Writ dan SOC tersebut adalah dibuat di dalam kehadiran peguam plaintif.
- (d) A 92 KKM dan kes *Hatara (M) Sdn Bhd v Petroliam Nasional Bhd & Anor* [2010] 3 CLJ 550 yang dirujuk oleh peguam terpelajar plaintif adalah tidak terpakai. Ini adalah kerana di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948, Mahkamah Sesyen tidak mempunyai kuasa-kuasa inheren seperti yang digesa oleh peguam plaintif. Lagipun, menurut HMS yang bijaksana *Hatara* diputuskan sebelum KKM.
- (e) Menurut HMS yang bijaksana, satu-satunya mekanisma yang terbuka kepada plaintif ialah untuk mengemukakan satu rayuan terhadap keputusan beliau ialah dengan memfailkan rayuan; *Syed Omar bin Syed Mohamed V Perbadanan Nasional Bhd* [\[2013\] 1 MLJ 461](#) MP.

Di Mahkamah Tinggi

[17]Peguam terpelajar plaintif telah memulakan hujah dengan merujuk kepada kes *Md Amin Md Yusof & Anor v Cityvilla Sdn Bhd* [\[2004\] 4 MLJ 446](#) MR. Di dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan memutuskan antara lainnya, Mahkamah bicara harus menilai samada kegagalan untuk mematuhi arahan-arahan tersebut disengajakan atau terjumlah kepada menghina mahkamah untuk menjustifikasikan tindakan drastik di dalam membatalkan tuntutan balas perayu. Kedudukan undang-undang yang sama dinyatakan di dalam kes *IOI Loders Crokiaan Oils Sdn Bhd v LK Freight Services (M) Sdn Bhd & Ors* [\[2012\] 3 MLJ 266](#).

[18]Di hadapan saya, peguam terpelajar plaintif mengulangi hujahnya di dalam hujah bertulis bahawa plaintif tidak berniat untuk tidak mematuhi arahan CM tersebut dengan tidak memfailkan penyata saksi di dalam 7 hari sebelum 3.11.2019.

[19]Lagipun menurut peguam terpelajar, plaintif terpaksa menukar saksi untuk dibawa pada hari 3.11.2019 tersebut. Lebih penting, plaintif tidak mengetahui tentang *unless order* yang diberikan pada tarikh CM pada 14.5.2019.

[20]Peguam terpelajar plaintif seterusnya merujuk kepada A 2 k 1 KKM dan kes *Karisma Saujana Sdn Bhd v Albert All Antoni Tass* [2008] 8 MLJ 693 dan menghujahkan bahawa apa-apa ketidakpatuhan di pihak plaintif perlu dikira sebagai suatu ketidakteraturan dan tidaklah membatalkan prosiding itu.

[21]Peguam terpelajar plaintif kemudian menghujahkan bahawa HMS yang bijaksana telah khilaf apabila membuat dapatan bahawa Mahkamah Sesyen tidak mempunyai kuasa-kuasa inherein. Ini adalah kerana menurut A 1 k 2, KKM adalah turut terpakai kepada Mahkamah Sesyen.

Analisis

[22]Isu pertama, yang pada hemat Mahkamah ini amat penting, ialah, apakah yang dipohon oleh plaintif di dalam Lamp 80 yang menjadi subjek perkara rayuan ini? Plaintif hanya memohon untuk menghidupkan semula Writ dan SOC. Pada hemat Mahkamah ini permohonan plaintif di dalam keadaan seperti ini hendaklah di dalam bentuk serampang dua mata. Pertama adalah untuk memohon perintah 3.11.2019 diketepikan dan kedua ialah untuk menghidupkan kembali Writ dan SOC tersebut.

[23]Plaintif tidak boleh secara tiba-tiba memohon untuk menghidupkan semula Writ dan SOC, tanpa terlebih dahulu mengetepikan perintah bertarikh 3.11.2019.

[24]Perkara yang berhubung kait dengan isu pertama ini ialah, di bawah kaedah manakah KKM permohonan di dalam Lamp 80 dibuat? Saya telah meneliti notis permohonan tersebut dan nyata bahawa ia tidak mempunyai apa-apa intitlement atau tajuk.

[25]Berhubung dengan ketiadaan intitlement ini, Mahkamah Rayuan di dalam kes *Cheow Chew Khooon (t/a Cathay Hotel) v Abdul Johari bin Abdul Rahman* [1995] 1 MLJ 457 MR memutuskan bahawa sesuatu proses semula yang memerlukan suatu tajuk mesti menyatakan, dengan butir-butir yang mencukupi, sama ada di dalam tajuk atau kandungannya, statut atau kaedah di bawah mana permohonan itu dibawa ke mahkamah.

[26]Kegagalan berbuat demikian menurut Mahkamah Rayuan, akan menyebabkan ia menjadi pliding yang mengaibkan dan boleh dibatalkan kecuali jika ia dipinda terlebih dahulu. Ketika menyampaikan ucapannya, Gopal Sri Ram HMR (kemudiannya HMP) membuat pengamatan berikut:

It is my opinion that an originating process requiring an intitlement must state, with sufficient particularity, either in its heading or in its body, the statute or rule of court under which the court is being moved: otherwise it would be an embarrassing pleading and be may be liable to be struck out, unless sooner amended.

[27]Atas alasan ini sahaja rayuan ini sepatutnya ditolak.

[28]Walaubagaimanapun, saya akan meneliti rayuan ini di atas merit. [29] Isu kedua yang harus diteliti ialah samada plaintif telah dimaklumkan oleh Tetuan Rafizah. Tidak ada perkataan *unless order* di dalam surat yang bertarikh 14.5.2019. Apa yang dinyatakan ialah Mahkamah “tidak akan menerima apa-apa dokumen setelah tamatnya tempoh 30 hari kecuali dengan keizinannya”.

[30]Persoalannya, menyedari bahawa mereka tidak dapat memfailkan penyata saksi 7 hari sebelum tarikh bicara pada 3.11.2019, adakah plaintif memfailkan apa-apa permohonan untuk perlanjutan masa di bawah A 3 k 5 KKM? Saya telah meneliti Rekod Rayuan dan mendapati bahawa tidak ada permohonan seumpama itu dibuat.

[31]Pada hemat Mahkamah ini, plaintif sepatutnya menggunakan remedi ini (*exhaust the available remedy*) terlebih dahulu. A 3 k 5 KKM:

Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, melalui perintah melanjutkan atau

meningkatkan tempoh yang di dalamnya seseorang itu dikehendaki atau diberi kuasa oleh Kaedah-Kaedah ini atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan, untuk melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding .

Ini bermakna Mahkamah mempunyai budibicara bukan sahaja untuk melanjutkan tempoh yang dinyatakan di dalam KKM, tetapi juga melanjutkan apa-apa tempoh yang diberikan melalui satu perintah Mahkamah seperti arahan CM pada 14.5.2019.

[32]Oleh itu, pada hemat Mahkamah ini, jika remedi ini tidak terlebih dahulu digunakan oleh plaintif, amat sukar untuk Mahkamah ini merumuskan bahawa HMS yang bijaksana telah khilaf di dalam membatalkan Writ dan SOC tersebut dan juga di dalam menolak permohonan di dalam Lamp 80.

[33]Pada hemat saya, plaintif semestinya mengetahui bahawa dia tidak mampu untuk mematuhi arahan CM 14.5.2019 sebelum 3.11.2019, hari pertama perbicaraan. Kenapa plaintif menunggu sehingga hari perbicaraan untuk memaklumkan kepada Mahkamah? Perkara ini disentuh oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Koh Heng Jin @ Koh Heng Leong v Gan Kooi Ann* [\[2015\] MLJU 2242](#) yang membuat pengamatan berikut:

Despite being aware of the urgency of the situation the plaintiff chose to wait until the next case management date on 2.11.2012 to make an oral application for his case to be reinstated, again, despite being fully cognizant of the fact that this is an exercise of discretion on the court's part with the possibility that the court may not grant the oral application, as happened in this case when the judge directed the plaintiff to file a formal application.

[34]Saya tidak dapat memahami kenapakah plaintif menunggu sehingga hari pertama perbicaraan di dalam keadaan plaintif sedia maklum bahawa plaintif tidak melengkapkan dokumen perbicaraan iaitu penyata saksi. Berdasarkan kepada surat Tetuan Rafizah, plaintif sepatunya sedar bahawa plaintif tidak boleh memfailkan penyata saksi kurang dari 7 hari sebelum hari perbicaraan "kecuali dengan keizinan" Mahkamah.

[35]Apabila plaintif gagal membuat permohonan perlanjutan masa, mereka sepatutnya mengetahui tentang risiko strategi perbicaraan yang mereka ambil. Dengan hormatnya berlatarbelakang keadaan sedemikian, plaintif tidak boleh membuat aduan apabila HMS yang bijaksana telah menolak Writ dan SOC. Ini adalah kerana HMS yang bijaksana memang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian di bawah A 34 k 2(3) KKM:

Mahkamah, setelah memberikan arahan di bawah kaedah 2(2) atau kaedah 3 boleh sama ada melalui usulnya sendiri atau melalui permohonan mana-mana pihak, sekiranya mana-mana pihak ingkar dalam mematuhi mana-mana arahan sedemikian, menolak tindakan atau prosiding itu atau membatalkan pembelaan atau pernyataan balas atau memasukkan penghakiman atau membuat perintah yang difikirkannya patut.

Dapatan

[36]Saya hendak menyatakan dengan jelas, bahawa Mahkamah Sesyen mempunyai budi bicara yang sewajarnya untuk mengetepikan apa-apa perintah yang dibuat di bawah A 34 k 2(3) KKM. Budi bicara ini dapat dilihat di dalam A 34 k 2(4) di mana apa-apa perintah yang diberikan berhubung dengan kegagalan pemfailan dokumen pra-bicara oleh diketepikan.

[37]Tidak ada keperluan untuk plaintif merujuk kepada A 92 KKM di bawah kuasa inhereen Mahkamah. Ini adalah kerana A 34 k 2(4) KKM memperuntukkan:

Apa-apa penghakiman atau perintah yang dibuat di bawah kaedah 2(3) boleh diketepikan oleh Mahkamah, atas permohonan pihak, atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya adil.

Ini bermakna HMS yang mempunyai budi bicara di bawah A 34 k 2(4) untuk mengetepikan perintah 3.11.2019. Tetapi oleh kerana permohonan di dalam Lamp 80 tidak mempunyai intitlement atau tajuk di bawah kaedah mana permohonan tersebut dibuat, saya tidak fikir bahawa plaintif boleh menyalahkan Mahkamah.

[38]Budi bicara perlu dilaksanakan secara kehakiman. Ia tidak boleh dilaksanakan secara wenang. Tetapi sebelum HMS yang bijaksana melaksanakan budi bicaranya, dia mesti mempunyai material yang mencukupi untuk berbuat demikian.

[39]Dapatan Mahkamah ini adalah seperti berikut:

- (a) Plaintiff gagal menyatakan dengan jelas di bawah Kaedah manakah KKM permohonan di dalam Lamp 80 dibuat.
- (b) Kegagalan meletakkan intitlement ini menyebabkan defendan-defendan diprejudiskan kerana Lamp 80 adalah satu permohonan yang mengelirukan. Plaintiff hanya perlu menyalahkan diri mereka kerana memfailkan satu permohonan yang mengelirukan.
- (c) Walaupun plaintiff boleh merayu, tetapi plaintiff juga boleh memfailkan permohonan di bawah A 34 k 2(4) KKM untuk mengetepikan perintah bertarikh 3.11.2019.
- (d) Pada hemat Mahkamah ini, dan berasaskan kepada prinsip *generalia specialibus non derogant* permohonan di bawah a 34 k 2(4) adalah lebih tepat kena ia merujuk secara langsung kepada kegagalan di dalam memfailkan dokumen pra-perbicaraan, di dalam konteks ini penyata saksi plaintiff.
- (e) Tidak ada keperluan untuk merujuk kepada kuasa inheren Mahkamah di bawah A 92 KKM.
- (f) Plaintiff sendiri gagal memanfaatkan ruang untuk mendapatkan perintah perlanjutan masa untuk memfailkan penyata bertulis saksi. Lebih penting plaintiff tidak menyatakan dan tidak juga memberikan alasan yang munasabah di dalam affidavit sokongan Nurul Huda binti Razali kenapa satu permohonan perlanjutan masa tidak dibuat.
- (g) Di dalam ketiadaan penjelasan tersebut, HMS yang bijaksana tidak mempunyai material untuk menggunakan budi bicara yang sewajarnya untuk membenarkan permohonan di dalam Lamp 80.
- (h) Tidak ada keperluan undang-undang untuk Mahkamah menggunakan perkataan "*unless order*" di dalam membuat perintah, selagi ianya berbentuk muktamad atau *peremptory*.
- (i) Arahan CM bertarikh 14.5.2019 adalah berbentuk muktamad. Ia hanya boleh diselamatkan dengan permohonan perlanjutan masa yang tidak dibuat oleh plaintiff.
- (j) Plaintiff sepatutnya menggunakan pendekatan serampang dua mata di dalam permohonan di Lampiran 80. Pertama, untuk mengenenpikan perintah bertarikh 3.11.2019 dan kedua untuk menghidupkan kembali Writ dan SOC. Permohonan di dalam Lampiran 80 adalah cacat.

[40]Rayuan ini ditolak dan keputusan HMS yang bijaksana dikekalkan.